



5. MESYUARAT SOAL JAWAB MENGENAI *PROFESSIONAL CERTIFICATE* DI UiTM

Mesyuarat soal jawab mengenai program Sijil Profesional pada **28 Mei 2021** bersamaan hari **Jumaat** pada jam **3 petang** telah diadakan secara dalam talian melalui platform Google Meet yang melibatkan pihak iCEPS dan pihak-pihak seperti berikut:

- i. Wakil UiTM Cawangan Pulau Pinang iaitu Ts. Ir. Dr. Samsul Setumin dan Ts. Ir. Abdul Malik Saidina Omar.
- ii. Wakil Politeknik Metro Tasek Gelugor iaitu Pn. Mariati Zabidi dan En. Azarol Faizal.

Perbincangan awal ini adalah untuk merangka program Sijil Profesional dengan kerjasama antara pihak iCEPS dan UiTM Cawangan Pulau Pinang serta Politeknik Metro Tasek Gelugor.





6. PROFESSIONAL DIPLOMA IN HALAL INDUSTRY MANAGEMENT

Pada **31 Mei 2021**, Memorandum Perjanjian (MoA) bagi program *Professional Diploma in Halal Industry Management* di antara Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Cerdik Ilmu Sdn. Bhd. telah ditandatangani oleh pihak industri.

Memorandum Perjanjian (MoA) ini juga telah ditandatangani oleh Ketua Eksekutif iCEPS dan Memorandum Perjanjian (MoA) ini telah dihantar ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) untuk ditandatangani oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor yang menjalankan fungsi Naib Canselor.

7. BOOKLET GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PROFESIONAL iCEPS UiTM

Booklet Garis Panduan Pelaksanaan Program Profesional iCEPS UiTM telah dibangunkan pada bulan **Mei 2021** bertujuan sebagai panduan dan rujukan untuk melaksanakan Program Profesional iaitu dari peringkat Sijil Profesional, Diploma Profesional, Sarjana Muda Profesional dan Sarjana Profesional.